

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM College of Arts and Sciences
Sent: Monday, 12 December, 2011 12:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI ANJURAN UUM CAS



12 DISEMBER 2011/ 16 MUHARRAM 1433H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI ANJURAN UUM CAS

Oleh: Azhar Jamil
(azhari@uum.edu.my)

Pada 25 hingga 26 November 2011 (Jumaat-Sabtu) telah diadakan Kursus Pengurusan Organisasi yang telah dianjurkan oleh Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni, UUM CAS. Seramai 62 orang peserta terdiri daripada ahli kelab dan persatuan yang terdapat di UUM CAS telah menyertai program. Program ini diadakan di Swiss-Inn, Sungai Petani. Seramai 8 orang urus setia dari UUM CAS iaitu Azhar Jamil, Amirullah Ikrami Akbar Jahan, Mohd Shahir Ahmad, Mohd Farid Fadly Mohammad Fuad, Md. Zamri Mat Zain, Ismail Ali serta dua orang pelajar UUM CAS terlibat sama dalam menjayakan program ini, turut hadir Dr. Mazida Ahmad, Penyelaras Praktikum di Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni, UUM CAS.



Ucapan alu-aluan kursus tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni iaitu Dr. Massudi Mahmuddin. Pada program ini peserta didedahkan berkaitan konsep penghasilan Kertas Kerja Berkualiti yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff serta dilestarikan dengan program motivasi yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Nizho Abdul Rahman, Pensyarah Kanan serta dimantapkan lagi dengan Bengkel Pengurusan Kewangan Berkesan oleh Encik Nikmal Muzal Bin Mohd Muhaiyuddin, Penolong Bendahari di Jabatan Bendahari. Dekan

Pembangunan Pelajar iaitu Dr. Azman Yasin dalam ucapan beliau menekankan konsep kursus yang berimpak tinggi untuk persatuan yang menganjurkan program-program pada masa hadapan dan mengharapkan penglibatan menyeluruh pelajar bagi program yang dianjurkan oleh setiap persatuan.



Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr Ahmad Faiz Hj. Abdul Hamid, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni). Dalam perasmian tersebut Yang Berbahagia Datuk menekankan konsep *Input dan Output* dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dan berimpak tinggi. Yang Berbahagia Datuk juga mengharapkan setiap pelajar senantiasa peka dengan isu semasa dengan menekan konsep **current issues** bagi setiap pelajar.



**UUM College of Arts and Sciences,
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
MALAYSIA
Phone : +60 (4) 928 6797
Fax : + 60 (4) 928 5751**

Email : cas@uum.edu.my

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.